

SIARAN MEDIA

Saham SEDANIA Diklasifikasikan Semula Di Bawah Sektor “Produk dan Perkhidmatan Pengguna”

*Pengelasan Semula Sejajar dengan Peralihan Strategik Kumpulan kepada
industri FMCG Pengguna*

PETALING JAYA (9 Julai 2024) – SEDANIA Innovator Berhad (“SEDANIA” atau “Kumpulan”) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa sahamnya di Bursa Malaysia telah diklasifikasikan semula di bawah sektor **“Produk dan Perkhidmatan Pengguna”** dan subsektor **“Perkhidmatan Pengguna”** berkuat kuasa **9.00 pagi, 9 Julai 2024**.

Pengelasan semula ini merupakan satu titik penting bagi Kumpulan, mencerminkan peralihan strategik SEDANIA ke arah industri FMCG pengguna dengan tumpuan yang dipertingkatkan terhadap produk dan perkhidmatan yang berorientasikan pengguna. Ini adalah berikutan kelulusan yang diberi oleh Bursa Malaysia untuk permohonan pengelasan semula SEDANIA, melalui surat rasmi Bursa Malaysia bertarikh 31 Mei 2024. Nombor saham dan singkatan saham syarikat, SEDANIA (0178), kekal dan tidak berubah.

Peralihan sektor ini diperteguh oleh pemerolehan sebanyak 51% kepentingan dalam Tanamera Group Sdn. Bhd. (“Kumpulan Tanamera”) dan Offspring Inc. Sdn. Bhd. yang masing-masing memiliki jenama Tanamera dan Offspring. Jenama Tanamera terkenal dengan produk kesihatan dan penjagaan diri Halal semula jadi, manakala jenama Offspring mengkhususkan dalam produk penjagaan bayi organik.

Pemerolehan Kumpulan Tanamera termasuk [Tanamera Tropical Spa Sdn Bhd](#) (“Tanamera”), yang memiliki jenama penjagaan diri dan pasca-bersalin premium Halal yang terkenal dengan penggunaan resipi rawatan warisan Asia dan bahan-bahan tempatan; serta [FA Herbs Sdn. Bhd.](#), pengilang OEM bersijil GMP yang terkenal dengan pengilangan Halal yang sah di bawah jenama Tanamera. Manakala [Offspring](#), jenama bayi organik dari Australia, menawarkan produk penjagaan bayi premium yang mesra alam, selamat untuk bayi, bebas kekejaman (“cruelty-free”) dan diperbuat daripada bahan yang diperoleh secara mampan.

Pemerolehan ini, bersama dengan pengenalan [JOMHIBAH](#) oleh [SEDANIA As Salam Capital](#) dan perkhidmatan inovatif lain, adalah integral kepada strategi kami dalam memperluaskan kehadiran pasaran kami dan menyediakan penyelesaian mampan yang selaras dengan keperluan pengguna. Matlamat kami adalah untuk menjadi jenama isi rumah (“household name”) yang dipercayai yang sinonim dengan kelestarian, kualiti dan nilai untuk wang.

Sebelum ini, SEDANIA disenaraikan di bawah sektor “Telekomunikasi dan Media” dan subsektor “Peralatan Telekomunikasi” sejak disenaraikan di Pasaran ACE pada tahun 2015.

UNTUK SIARAN SEGERA



Tan Sri Abdul Halim Ali, Pengurus SEDANIA, menyatakan, "Kami amat berbangga dengan pengelasan semula ini, yang mencerminkan peralihan strategik kami ke arah perniagaan berfokus pengguna. Langkah ini mengukuhkan komitmen kami untuk mencipta produk dan perkhidmatan yang inovatif dan mampan yang memenuhi keperluan komuniti kami yang semakin prihatin terhadap alam sekitar dan sosial."

Datuk Azrin Mohd Noor, Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA, menambah, "Sejak penubuhan SEDANIA, misi kami untuk 'Meningkatkan Kehidupan Secara Lestari' telah mendorong kepelbagaian kami ke dalam sektor berorientasikan pengguna, melangkaui model perniagaan teknologi airtime sharing asal kami. Kami teruja dengan masa depan SEDANIA berikutnya usaha kami dalam memperluaskan jangkauan pasaran produk disamping memperkenalkan produk baru dan menarik dalam beberapa bulan akan datang."

Untuk maklumat lanjut mengenai SEDANIA, sila layari www.sedaniainnovator.com.

Tentang SEDANIA Innovator Berhad ("SIB")

SIB adalah sebuah syarikat pemegang pelaburan yang memberi tumpuan kepada perniagaan kearah kelestarian. Sejak disenaraikan pada tahun 2015 di Pasaran ACE Bursa Malaysia, Kumpulan telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada peningkatan kelestarian dan pengurangan pelepasan karbon, menyumbang kepada ekonomi yang lebih hijau.

Kumpulan didorong oleh teras perniagaan utama dalam barang dan perkhidmatan pengguna mampan, berorientasikan pengguna: Offspring Inc Sdn Bhd ("Offspring"), Tanamera Group Sdn Bhd ("Tanamera"), dan SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd ("SASC").

Offspring, produk kesihatan mampan, menawarkan pelbagai produk lebih dari 170 SKU yang diperbuat daripada bahan mesra alam dan pembungkusan yang boleh didegradasi yang terdapat di tiga benua antarabangsa. Tanamera menetapkan standard dalam penjagaan peribadi premium, semula jadi, dengan mencampurkan tradisi Asia dengan herba tropika ekologi kepada pelanggan yang tahap antarabangsa.

SASC, peneraju dalam revolusi kewangan digital, merangkumi hampir 95 institusi perkhidmatan kewangan dengan penyelesaian tech pengguna ("consumer tech") yang inovatif dan Program Pembiayaan GoHalal untuk meningkatkan inklusif kewangan dan kesejahteraan komuniti. Teras utama ini menekankan komitmen teguh SEDANIA terhadap inovasi, kelestarian, dan penyediaan barang dan perkhidmatan berorientasikan pengguna.

Kami meningkatkan kehidupan secara lestari ("Improving Lives Sustainably").

Sila layari www.sedaniainnovator.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi dan penawaran servis dan produk kami.

Untuk sebarang pertanyaan media:

Ilya Amira / Hazel Hanif

Tel: 03-7880 2001 / +6013 2288 005 / +6012 619 1103

Emel: media@sedaniainnovator.com